

11 APR 1996

MAHATHIR HADIRI JAMUAN MALAM

KANGAR, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri jamuan malam negeri di kompleks warisan di sini sempena dengan lawatan dua hari beliau ke Perlis mulai hari ini.

Turut hadir pada jamuan itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan pengerusi jawatankuasa perhubungan Umno Perlis Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh.

Semasa jamuan itu Dr Mahathir menerima derma berjumlah RM110,000 untuk Tabung Bosnia. Daripada jumlah itu RM50,000 didermakan oleh kerajaan negeri manakala selebihnya oleh tiga syarikat.

Dr Mahathir yang juga presiden UMNO kemudian menghadiri mesyuarat tertutup dengan anggota jawatankuasa perhubungan Perlis di sebuah hotel terkemuka di sini.

Terdahulu hari ini Perdana Menteri melancarkan program Gerak Mesra peringkat negeri dan melawat tapak cadangan lapangan terbang di Padang Pauh di sini.

Esok Perdana Menteri akan mempunyai jadual ketat, pada sebelah pagi beliau akan melakukan upacara pecah tanah sebuah taman perindustrian di Sungai Cucuh, Tinggi sebelum merasmikan kompleks Imigresen Kastam dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Padang Besar.

Beliau kemudian akan melawat taman rekreasi Gua Kelam dan Wang Kelian sebelum menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Syed Alwi di sini.

Pada tengah hari, beliau akan merasmikan upacara pecah tanah untuk satu kawasan kilang usahasama membabitkan sebuah syarikat Malaysia dan Bosnia.

Beliau kemudian akan melawat Pusat Giat Mara di Jejawi sebelum berlepas ke Kuala Lumpur pada petangnya. -- BERNAMA

MFJ CR